

BAB III

SOSIOLISASI POLITIK - KELUARGA SEBAGAI AGEN

Bab ini akan membincangkan tentang proses sosiolisasi politik kelas menengah Melayu melalui keluarga. Penilaian terhadap keluarga ini dilakukan melalui soalan-soalan dalam soalselidik : meminta responden mengimbas kembali zaman kanak-kanak mereka. Aspek-aspek yang hendak diselidiki mengenai keluarga ialah pertama peranan keluarga dalam penyampaian pengetahuan politik kepada anak-anak orientasi pengetahuan dan kedua, peranan keluarga dalam mempengaruhi sentimen atau emosi anak-anak terhadap politik iaitu orientasi perasaan.

A. Keluarga dan Sosiolisasi Politik - Teori

Telah banyak penyelidikan dan tulisan mengenai peranan keluarga dalam sosiolisasi politik dilakukan oleh ahli-ahli sosial. Langton misalnya menegaskan kepentingan keluarga sebagai institusi yang pertama membentuk seseorang dalam proses sosiolisasi amnya. Menurut beliau, melalui keluarga seseorang individu mempelajari peranan-peranan sosialnya yang awal dan dengan demikian dia telah mengambil langkah pertama dalam proses sosiolisasi. Di dalam lingkungan struktur sosial keluarga seseorang individu akan mula membangun konsep-konsep dirinya: iaitu, siapakan dia, apakah harta dan tanggungan yang dimiliki dan apakah harapan-harapan (expectations) hadap dirinya. Oleh yang demikian apabila seseorang individu pergi ke sekolah, mereka akan membawa konsep dirinya dan tabiat-tabiatnya.

(role-behaviours) hasil dari latihan keluarga. Konsep diri dan tabiat seseorang individu mungkin diubahsuai atau diperkuuhkan oleh pengalaman-pengalamannya di sekolah atau lain-lain institusi sosial. Walau bagaimanapun menurut Langton, sikap-sikap dan tabiat-tabiat yang telah dibentuk oleh keluarga menjadi asas kepada pengalaman-pengalaman dimasa hadapan.

Dari kajian beliau ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah di Jamaica dan America, beliau mendapati di antara pengaruh politik yang disampaikan melalui keluarga, identifikasi parti politik merupakan yang paling mudah disampaikan. Dengan lebih mendalam beliau menunjukkan kesan struktur otoriti keluarga terhadap pemilihan parti politik pelajar-pelajar. Beliau mendapati, semakin bertambah meningkat otoriti keluarga, semakin bertambah meningkat juga peratus pelajar-pelajar yang tidak memilih parti politik ibubapa mereka. Tetapi, beliau mendapati pula, apabila otoriti keluarga adalah sangat tinggi (most highly authoritarian) peratus pelajar-pelajar yang tidak memilih parti politik ibubapa mereka adalah rendah atau menurun. Menurut Langton, ini bermakna penyimpangan politik (political deviancy) meningkat apabila otoriti keluarga meningkat tetapi menurun apabila otoriti keluarga adalah sangat tinggi.¹

Dawson dan Prewitt pula membahagikan agen-agen sosiolisasi politik kepada dua iaitu agen utama dan agen sekunder (secondary). Menurut mereka agen keluarga adalah agen sosiolisasi politik terpenting dalam kategori agen utama. Ianya adalah agen penting melalui mana budaya politik disampaikan dari satu generasi ke generasi lain.

¹Kenneth P. Langton, Political Sosialization (London, Oxford University Press, 1969) m.s. 21-23.

Pengaruhnya adalah kuat terutamanya dalam membina asas ketaatan politik dan pertalian-pertalian terhadap sistem politik seluruhnya.

Menurut mereka, keluarga boleh mempengaruhi ahli-ahlinya dalam sosiolisasi politik melalui beberapa cara. Pertama, melalui contoh dan ajaran langsung atau indoktrinasi. Sungguhpun apa yang diajar dan cara ianya diajar berbeza antara keluarga tetapi sesuatu ajaran politik itu (political lesson) yang disampaikan oleh keluarga adalah sangat berkesan. Kedua, melalui pembentukan peribadi, sikap dan nilai-nilai sosial seseorang individu oleh keluarga kerana peribadi dan orientasi sosial seseorang akan mempengaruhi tindakan dan tanggapannya terhadap mana-mana fenomena politik.

Menurut mereka lagi, telah banyak kajian-kajian dan data-data yang diperolehi oleh ahli-ahli sosiologi yang menunjukkan hubungan yang nyata dan kuat antara nilai dan sikap politik ibubapa dengan nilai dan sikap politik anak-anak mereka. Mereka juga berpendapat minat politik ibubapa adalah salah satu faktor penting menentukan samada seseorang individu akan terlibat secara aktif atau tidak dalam politik. Walaupun mungkin terdapat faktor-faktor sosialisasi lain yang menggalang (intervene) dan mengubah seseorang individu dari amalan dan ajaran ibubapa terhadap penglibatan dalam politik, tetapi pengaruh keluargalah yang memulakan atau menggerakkan (initiating) dan mengekalkan (sustaining) penglibatan politik mereka.²

1. Penyampaian Pengetahuan Politik oleh Keluarga

Penyampaian pengetahuan politik dalam sesebuah keluarga

²Richard E. Dawson dan Kenneth Prewitt, Political Socialization (Boston, Little Brown and company, 1969) m.s. 105-110.

terutamanya di antara ibubapa dan anak-anak boleh berlaku dalam beberapa cara. Antaranya ialah melalui perbincangan atau perbualan-perbualan antara ibubapa dengan anak yang menyentuh mengenai politik atau melalui pertanyaan-pertanyaan mengenai politik dan hal ehwal awam oleh anak-anak kepada ibubapa mereka. Menurut Langton ibubapa yang tidak mempunyai sikap-sikap yang 'well-developed' terhadap politik atau tidak pernah berbincang mengenai politik dengan anak-anak mereka, anak-anak mereka akan kurang berminat terhadap politik.³ Bagaimana dengan ibubapa responden. Adakah ibubapa mereka berperanan menyampaikan pengetahuan politik kepada responden melalui perbincangan-perbincangan keluarga? dan adakan responden-responden berminat atau kerap bertanyakan ibubapa mereka mengenai politik dan hal ehwal awam? untuk mengetahui peranan keluarga responden sebagai agen penyampai pengetahuan politik dan sejauhmanakah keberkesanan penyampaian pengetahuan tersebut, para responden telah diminta mengimbas kembali waktu kanak-kanak mereka semasa mereka berada di bawah jagaan ibubapa mereka. Soalan-soalan mengenai peranan keluarga adalah merujuk kepada waktu tersebut.

Perbincangan atau perbualan mengenai politik dan hal ehwal awam antara ibubapa dengan anak-anak adalah dianggap di antara cara yang secara langsung menyampaikan pengetahuan mengenai politik. Para responden telah ditanya mengenai kekerapan perbincangan politik dalam keluarga mereka dan taburan jawapan mereka dibentangkan dalam Jadual 3.1.

³Langton, op. cit., m.s. 112.

JADUAL 3.1

TABURAN KEKERAPAN PERBINCANGAN POLITIK DALAM KELUARGA RESPONDEN

| Perbincangan Politik dalam keluarga | Bilangan | Peratus |
|-------------------------------------|----------|---------|
| Sangat kerap | 10 | 6 |
| Kerap | 22 | 15 |
| Kadang-kadang | 47 | 31 |
| Jarang-jarang | 43 | 29 |
| Tidak Pernah | 28 | 19 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual 3.1 menunjukkan hanya dua puluh satu peratus sahaja daripada para responden yang kerap mengalami perbincangan politik dalam keluarga. Majoriti responden hanya kadang-kadang atau jarang-jarang mengalami perbincangan politik dalam keluarga. Ini bermakna ibubapa responden tidak begitu cenderung berbincang mengenai politik dan hal ehwal awam dengan anak-anak mereka. Ini mungkin disebabkan pemahaman dan pengetahuan politik ibubapa responden mengenai politik adalah cetek. Faktor pelajaran mungkin adalah sebab utama pemahaman dan pengetahuan ibubapa mereka terhad. Oleh yang demikian ibubapa responden kurang mahu berbincang politik dalam keluarga.

Satu penjelasan lain ialah walaupun mungkin ibubapa responden mempunyai pengetahuan politik yang tinggi tetapi kebiasaannya dalam sebuah keluarga Melayu soal politik dan hal ehwal awam jarang sekali menjadi isu perbincangan antara ibubapa dan anak-anak ter-

utamanya jika anak-anak mereka masih dianggap 'budak-budak mentah'.

Ibubapa mungkin berbincang dengan kenalan atau saudara mara dan kebiasaannya anak-anak tidak digalakkan malah ditegah duduk dan mendengar perbualan orang dewasa.

Satu soalan lain yang ditanya kepada responden ialah samada mereka pernah bertanya ibubapa mereka soalan-soalan mengenai politik dan hal ehwal awam. Taburan jawapan mereka dapat dilihat dalam Jadual 3.2.

JADUAL 3.2

'PERNAHKAH ANDA BERTANYA IBUBAPA ANDA SOALAN-SOALAN MENGENAI POLITIK DAN HAL EHWAL AWAM?'

| Bertanya Ibubapa | Bilangan | Peratus |
|------------------|----------|---------|
| Ya | 67 | 45 |
| Tidak | 83 | 55 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual 3.2 menunjukkan majoriti responden iaitu lima puluh lima peratus tidak pernah bertanya ibubapa mereka mengenai politik dan hal ehwal awam. Mungkin ini ada kaitannya dengan kekerapan perbincangan politik dalam keluarga. Oleh kerana majoriti keluarga responden jarang-jarang berbincang politik ataupun responden jarang-jarang dapat mendengar perbincangan politik ibubapa mereka, maka mereka kurang cenderung atau berminat untuk mengetahui dan bertanya ibubapa mereka mengenai politik. Ini bermakna oleh kerana responden kurang mendapat pendedahan kepada pengetahuan politik maka mereka

tidak tahu apa yang hendak ditanyakan mengenai politik kepada ibubapa.

Satu kemungkinan lain ialah walaupun mungkin responden ingin tahu dan ingin bertanyakan ibubapa mereka mengenai politik tetapi mereka takut untuk berbuat demikian. Majoriti responden iaitu enam puluh peratus telah menyatakan ibubapa mereka adalah tegas dalam satu soalan lain. Ketegasan ibubapa mereka ini mungkin dianggap oleh responden semasa mereka kanak-kanak sebagai ibubapa mereka adalah 'garang'. Oleh yang demikian kebanyakannya mereka akan berasa takut untuk bertanya bapa mereka terutamanya, mengenai politik atau hal-hal lain yang dianggap tidak wajar ditanya.

Perlu dinyatakan di sini, oleh kerana sebahagian besar dari responden kini berada dalam umur pertengahan (kurang dari tiga puluh lima tahun) maka sudah tentu sewaktu mereka kanak-kanak adalah zaman sebelum kemerdekaan. Ibubapa responden sudah tentu kurang berpelajaran dan tidak semoden ibubapa kini. Didikan ibubapa dahulu juga (terutamanya masyarakat Melayu) tidaklah bersifat 'terbuka' atau demokratik seperti ibubapa zaman moden kini. Ciri-ciri ini mungkin menjadi penghalang kepada proses penyampaian pengetahuan politik dari ibubapa kepada responden-responden. Kekurangan pelajaran ibubapa responden mungkin menyebabkan mereka sendiri kurang mengetahui mengenai politik dan kurang mendapat pendedahan politik. Walaupun di zaman itu berlaku kebangkitan menuntut kemerdekaan, ibubapa responden mungkin kurang memahami apa yang sedang berlaku dan kenapa. Oleh yang demikian ibubapa responden sendiri kurang cenderung atau berminat terhadap politik dan secara langsung tidak cenderung untuk berbincang atau menggalakkan anak-anak mereka bertanya mengenai politik.

Pada keseluruhannya boleh dikatakan di sini, ibubapa responden telah tidak menjadi agen penyampai pengetahuan politik kepada mereka. Orientasi pengetahuan responden mengenai politik dan hal ehwal awam amnya dianggap lemah pada masa mereka masih kanak-kanak dan berada di bawah jagaan keluarga.

2. Pengaruh Keahlian Ibubapa Responden dalam Parti Politik

Pengetahuan anak-anak mengenai keahlian ibubapa mereka dalam sesebuah parti politik boleh dianggap sebagai 'a political lesson' kepada mereka. Keahlian ibubapa dalam parti politik secara tidak langsung memperkenalkan kepada anak-anak serba sedikit mengenai apa itu parti politik atau sekurang-kurangnya mereka mengetahui nama parti politik yang ibubapa mereka anggotai. Keahlian ibubapa dalam parti politik boleh juga mempengaruhi keahlian anak-anak dalam parti politik kerana telah biasa melihat ibubapa mereka berbuat demikian. Ramai juga ahli-ahli sosiologi barat yang bersetuju bahawa identifikasi parti politik mudah disampaikan oleh ibubapa kepada anak-anak mereka. Adakah keahlian ibubapa responden dalam kajian ini juga mempengaruhi keahlian mereka dalam parti politik? Untuk mengetahuinya, keahlian ibubapa responden dalam parti politik dibentangkan dalam Jadual 3.3.

JADUAL 3.3

TABURAN KEAHLIAN IBUBAPA RESPONDEN DALAM PARTI POLITIK

| Keahlian Ibubapa | Bilangan | Peratus |
|------------------|----------|---------|
| Ya | 82 | 55 |
| Tidak | 68 | 45 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Dari Jadual 3.3 dapat dilihat majoriti ibubapa responden iaitu lima puluh lima peratus menjadi ahli parti politik. Ini bermakna ramai daripada ibubapa responden telah menjadi ahli parti politik dan responden mengetahui mengenai keahlian ibubapa mereka itu. Adakah keahlian ibubapa para responden mempengaruhi keahlian mereka dalam parti politik? Jadual 3.4 menunjukkan taburan keahlian para responden dalam parti politik.

JADUAL 3.4

TABURAN KEAHLIAN RESPONDEN DALAM PARTI POLITIK

| Keahlian responden | Bilangan | Peratus |
|--------------------|----------|---------|
| Ya | 46 | 31 |
| Tidak | 104 | 69 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual 3.4 menunjukkan hanya tiga puluh satu peratus responden menjadi ahli parti politik dan majoriti responden (69%) tidak menjadi ahli. Perbandingan di antara Jadual 3.4 dengan Jadual 3.3 menunjukkan peratus ibubapa para responden yang menjadi ahli adalah lebih tinggi dari peratus responden yang menjadi ahli. Penulis berpendapat kemungkinan kebanyakan ibubapa responden menjadi ahli parti politik semasa gerakan mencapai kemerdekaan negara ini dikemuncaknya dan dimasa tahun-tahun awal kemerdekaan negara. Oleh kerana pada masa itu kesedaran politik adalah tinggi maka ramai ibubapa responden terdorong menjadi ahli parti politik.

Untuk mengetahui samada keahlian ibubapa responden dalam

parti politik mempengaruhi keahlian responden dalam parti politik dapat dilihat dari jadual 'crosstab' antara keahlian ibubapa responden dengan keahlian responden dalam parti politik.

JADUAL 3.5

HUBUNGAN DI ANTARA KEAHLIAN IBUBAPA RESPONDEN DAN KEAHLIAN RESPONDEN DALAM PARTI POLITIK

| Keahlian Ibubapa Keahlian responden | Ya | Tidak | Jumlah |
|--|----|-------|-----------------|
| Ya | 33 | 13 | 46 (31.0%) |
| Tidak | 49 | 55 | 104 (69.0%) |
| Jumlah | 82 | 68 | 150 (100.0%) |

$$\chi^2 = 8.12$$

$$C = 0.295$$

Didapati dari Jadual 3.5, dari jumlah responden yang menjadi ahli (46 orang), majoriti iaitu tiga puluh tiga orang menjadi ahli parti politik apabila ibubapa mereka juga adalah ahli parti politik. Didapati juga dari jumlah responden yang tidak menjadi ahli (104 orang), majoriti iaitu lima puluh lima orang tidak menjadi ahli apabila ibubapa mereka juga tidak menjadi ahli parti politik. Ini menunjukkan ada hubungan positif di antara keahlian ibubapa responden dalam parti politik dengan keahlian responden dalam parti politik.

Ujian 'chi-square' telah dijalankan dan nilai 'chi-square'

= 8.12 menunjukkan ianya 'significant' pada paras kebarangkalian 0.05. Ini bermakna terdapat hubungan yang 'significant' di antara keahlian ibubapa dengan keahlian para responden dalam parti politik. Walaubagaimana pun koefision kontigensi pada 0.295 menunjukkan hubungan tersebut adalah lemah.

Rumusan yang boleh dinyatakan di sini ialah keahlian ibubapa responden nampaknya mempengaruhi keahlian para responden dalam parti politik. Sungguh pun demikian peratus responden yang menjadi ahli parti politik adalah dianggap rendah. Ini adalah agak menghairankan kerana para responden samada bekerja di sektor awam atau swasta tidak dihalang untuk menjadi ahli parti politik. Mungkinkah ideologi parti politik kini tidak sehebat dahulu tarikannya kepada masyarakat sehingga ramai khususnya kelas menengah Melayu tidak ambil berat untuk menjadi ahlinya? Penulis berpendapat para responden yang kebanyakannya masih muda masih terlalu sibuk dengan kerjaya dan urusan-urusan lain sehingga tiada masa untuk politik. Kemungkinan juga kebanyakan mereka menjadi penyokong atau penyokong atas pagar atau sekurang-kurangnya bersimpati dengan mana-mana parti politik tanpa menjadi ahlinya. Ini tidaklah bermakna mereka tidak ambil peduli tentang perkembangan-perkembangan politik semasa negara. Dalam satu soalan lain mengenai samada mereka mengikuti berita dan lapuran dari media massa mengenai politik dan hal ehwal awam, lima puluh satu peratus menyatakan mereka sentiasa mengikuti dan empat puluh lapan peratus menyatakan mereka mengikuti dari masa kesemasa. Ini menunjukkan mereka berminat mengetahui dan mengikuti perkembangan politik negara dari masa kesemasa walaupun mereka tidak aktif menjadi ahli parti politik.

3. Pengaruh Pilihan Parti Politik Ibubapa Terhadap Pilihan Parti Responden

Ramai ahli-ahli sosiologi barat seperti Dawson dan Langton berpendapat identifikasi atau pengenalan parti politik ibubapa adalah pengaruh penting terhadap pilihan parti politik anak-anak. Ini bermakna pengenalan parti politik ibubapa mempengaruhi pilihan parti politik anak-anak. Bagaimana dengan kelas menengah Melayu? Adakah pilihan parti politik ibubapa mereka juga mempengaruhi pilihan parti politik mereka sendiri? Jawapan responden kepada soalan tersebut dibentangkan dalam Jadual 3.6.

JADUAL 3.6

TABURAN PENGARUH PILIHAN PARTI POLITIK IBUBAPA TERHADAP PILIHAN PARTI POLITIK RESPONDEN

| Pengaruh | Bilangan | Peratus |
|----------|----------|---------|
| Ya | 69 | 46 |
| Tidak | 81 | 54 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual 3.6 menunjukkan empat puluh enam peratus responden menyatakan pilihan parti politik ibubapa mereka mempengaruhi pilihan parti politik mereka sendiri. Sedangkan majoriti responden iaitu lima puluh empat peratus menyatakan pilihan parti politik ibubapa mereka tidak mempengaruhi pilihan parti politik mereka. Ini menunjukkan majoriti ibubapa responden telah tidak mempengaruhi pilihan parti politik responden.

Satu penjelasan yang dapat diberikan ialah kemungkinan

ibubapa responden telah tidak menyampaikan pengetahuan tentang parti politik yang mereka anggotai kepada anak-anak mereka. Ibubapa para responden telah tidak memupuk minat terhadap parti politik pilihan mereka kepada anak-anak dan dengan demikian pilihan parti politik mereka gagal mempengaruhi pilihan parti politik para responden kini.

Penemuan ini bertentangan dengan penemuan yang telah diperolehi oleh kebanyakan ahli-ahli sosiologi barat. Penulis berpendapat perbezaan penemuan ini mungkin disebab perbezaan di antara ciri-ciri keluarga dalam masyarakat barat dengan ciri-ciri keluarga dalam masyarakat timur khususnya keluarga Melayu. Umum diketahui ibubapa dalam masyarakat barat kebanyakannya berpelajaran, mempunyai sikap-sikap politik yang agak 'well-developed' dan mereka tidak 'over-protective' dalam mendidik anak-anak mereka. Perbincangan-perbincangan, soal-jawab, kebebasan menyuarakan pendapat dan juga perdebatan tidak disekat oleh ibubapa. Sikap ibubapa yang liberal dan interaksi yang tinggi di antara ahli keluarga barat didapati mempengaruhi sikap politik anak-anak mereka. Berbeza dengan keluarga Melayu yang biasanya ibubapa bersifat 'protective', jarang mengadakan perbincangan-perbincangan 'terbuka' di antara anak-anak dan ibubapa, dan kawalan oleh ibubapa terhadap tindakan anak-anak terutamanya apabila menyuarakan pendapat berdasarkan adap dan sopan santun. Jika ada pun perbincangan di antara ibubapa dengan anak-anak kebiasaannya topik-topik perbualan adalah berkenaan hal-hal keluarga dan agama. Jarang sekali topik politik menjadi topik perbualan keluarga. Mungkin kebanyakan keluarga orang Melayu kini tidak lagi sedemikian tetapi perlu diambil perhatian bahawa kebanyakan para responden kini berada dalam umur pertengahan dan sudah semestinya semasa mereka masih kanak-kanak dan remaja, ibubapa mereka tidaklah semoden ibubapa kini, dan

berkemungkinan ramai ibubapa responden tidak berpelajaran dan kalau ada hanya diperingkat rendah sahaja. Tahap pelajaran ibubapa yang rendah juga menyebabkan mereka kurang memahami dan mengetahui perkembangan parti politik pilihan mereka. Kemungkinan mereka menjadi ahli parti politik hanya pada namanya sahaja dan mereka juga tiada pilihan parti politik lain pada masa itu. Ini menyebabkan ibubapa responden tidak cenderung memberi penerangan atau menceritakan tentang parti politik pilihan mereka kepada para responden.

Keadaan persekitaran keluarga inilah yang mungkin menyebabkan pilihan parti politik ibubapa responden kurang mempengaruhi pilihan parti politik mereka kini. Walaupun mungkin pilihan parti politik mereka kini bersamaan dengan pilihan parti politik ibubapa mereka tetapi ianya bukanlah kerana pengaruh pilihan ibubapa. Mungkin agen-agen sosiolisisasi politik yang lain misalnya rakan-rakan atau pelajaran yang mempengaruhi pilihan mereka.

4. Pengaruh Sikap Disiplin dan Tindakan-tindakan Ibubapa Responden

Ramai ahli-ahli sosiologi barat bersetuju bahawa sikap disiplin ibubapa mempengaruhi kecenderungan politik anak-anak terutamanya pilihan parti politik mereka seperti yang didapati oleh Langton. Apakah sikap disiplin ibubapa responden dan adakah sikap disiplin ibubapa mempengaruhi pilihan parti responden. Menjawab soalan mengenai sikap disiplin ibubapa, enam puluh peratus responden menyatakan ibubapa mereka tegas dan empat puluh peratus sahaja yang menyatakan ibubapa mereka bersikap liberal. Untuk mengetahui sama ada sikap disiplin ibubapa mempengaruhi pilihan parti responden, taburan 'crosstab' berikut dapat menjelaskan.

JADUAL 3.7

HUBUNGAN ANTARA SIKAP DISIPLIN IBUBAPA DAN PENGARUH TERHADAP PILIHAN PARTI POLITIK RESPONDEN

| Pengaruh Sikap disiplin Ibubapa | Ya | Tidak | Jumlah |
|---------------------------------------|----------------|----------------|-----------------|
| Liberal | 25 (37.0%) | 35 (43.0%) | 60 (40.0%) |
| Tegas | 43 (63.0%) | 47 (57.0%) | 90 (60.0%) |
| Jumlah | 68 (100.0%) | 82 (100.0%) | 150 (100.0%) |

$$\chi^2 = 0.278$$

$$C = 0.06$$

Jadual 3.7 menunjukkan majoriti daripada para responden iaitu empat puluh tujuh orang yang mempunyai ibubapa yang tegas menyatakan ibubapa mereka tidak mempengaruhi pilihan parti politik mereka. Begitu juga majoriti daripada para responden iaitu tiga puluh lima orang yang mempunyai ibubapa yang liberal menyatakan ibubapa mereka tidak mempengaruhi pilihan parti politik mereka. Jelas di sini menunjukkan sikap disiplin ibubapa samada tegas atau liberal telah tidak mempengaruhi pilihan parti politik responden.

Ujian 'chi-square' telah dijalankan dan nilai 'chi-square' = 0.278 menunjukkan hubungan di antara kedua angkubah tidak 'significant'. Koefisien kontigensi pada 0.06 pula menunjukkan hubungan yang sangat lemah.

Penemuan ini jelas bertentangan dengan teori-teori dan kajian yang dikemukakan oleh ahli-ahli sosiologi barat mengenai pengaruh disiplin ibubapa. Majoriti ibubapa responden bersikap tegas terhadap anak-anak mereka tetapi majoriti juga menunjukkan sikap tegas ibubapa tidak mempengaruhi pilihan parti mereka. Penulis berpendapat, walaupun majoriti ibubapa responden adalah tegas tetapi ketegasan mereka tertumpu kepada pembentukan peribadi dan nilai-nilai sosial anak-anak. Pembentukan kecenderungan dan minat politik jarang sekali dihubungkaitkan oleh ibu dalam pembentukan peribadi dan nilai-nilai sosial. Satu sebab mengapa mereka demikian ialah mungkin ibubapa responden kurang berpelajaran dan mereka sendiri kurang mendapat pendedahan mengenai kepentingan politik dalam kehidupan. Oleh yang demikian sikap disiplin dan otoriti mereka mungkin lebih mempengaruhi nilai-nilai sosial responden tetapi tidak mempengaruhi kecenderungan politik responden.

Terdapat juga beberapa tindakan-tindakan ibubapa responden yang difikirkan mungkin mempengaruhi kecenderungan politik anak-anak. Iubapa yang 'protective' iaitu terlalu mengawal pergerakan-pergerakan anak-anak juga dikatakan akan membuat seseorang individu itu kurang aktif berpolitik dan kurang 'politically competent'.⁴ Adakah ini benar bagi kelas menengah Melayu?

Responden telah ditanya dua soalan iaitu pertama, samada ibubapa mereka menghalang atau membenarkan mereka berbalah (semasa

⁴ Steven H. Chaffee, Jack Mc Leod dan Daniel Wackman, "Family Communication Patterns and Adolescent Political Participation" dalam Socialization to Politics: A Reader, dieditkan oleh Jack Dennis (New York, John Wiley and Sons Inc. 1973) m.s. 350-352.

remaja) dengan orang dewasa. Taburan halangan atau galakan ibubapa dapat dilihat dari Jadual 3.8.

JADUAL 3.8

TABURAN HALANGAN ATAU GALAKAN IBUBAPA TERHADAP PERBALAHAN DENGAN ORANG DEWASA

| Berbalah dengan orang dewasa | Bilangan | Peratus |
|------------------------------|----------|---------|
| Menghalang | 99 | 66 |
| Membenarkan | 54 | 34 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Dari Jadual 3.7 didapati cuma tiga puluh empat peratus ibubapa responden yang membenarkan anak-anak mereka berbalah dengan orang dewasa. Sedangkan majoriti ibubapa menghalang mereka berbuat demikian, ini menunjukkan majoriti ibubapa responden bersikap 'protective' dan tidak mahu anak-anak mereka dimarahi dan menghadapi masalah perhubungan sosial. Untuk mengetahui hubungan di antara galakan ibubapa dengan kecenderungan politik responden dapat dilihat dari Jadual 'crosstab' berikut.

JADUAL 3.9

HUBUNGAN ANTARA GALAKAN IBUBAPA UNTUK BERBALAH
DAN KEAHLIAN RESPONDEN DALAM PARTI POLITIK

| Keahlian Responden Galakan Ibubapa | Ya | Tidak | Jumlah |
|---------------------------------------|----------------|-----------------|-----------------|
| Ya | 17 (37.0%) | 34 (33.0%) | 51 (34.0%) |
| Tidak | 29 (63.0%) | 70 (67.0%) | 99 (66.0%) |
| Jumlah | 46 (100.0%) | 104 (100.0%) | 150 (100.0%) |

$$X^2 = 0.258$$

$$C = 0.041$$

Dari Jadual 3.9 didapati hanya tujuh belas orang responden yang menjadi ahli parti politik walaupun ibubapa mereka menggalakkan atau membenarkan mereka berbalah dengan orang dewasa. Walaubagaimana pun terdapat tujuh puluh orang responden yang tidak menjadi ahli politik dan ibubapa mereka telah tidak menggalakkan atau menghalang mereka berbalah dengan orang dewasa. Ini menunjukkan tiada pengaruh antara galakan ibubapa terhadap keahlian responden.

Ujian 'chi-square' telah dijalankan dan nilai 'chi-square' pada 0.258 menunjukkan hubungan yang tidak 'significant' dan koefisien kontigensi pada 0.041 menunjukkan hubungan yang sangat lemah.

Soalan kedua ialah samada ibubapa mereka menggalakkan mereka menyuarakan pendapat mereka terhadap rakan-rakan dan saudara

mara mereka. Taburan galakan ibubapa responden untuk menyuarakan pendapat dapat dilihat dari Jadual 3.10.

JADUAL 3.10

TABURAN GALAKAN UNTUK MENYUARAKAN PENDAPAT OLEH IBUBAPA RESPONDEN

| Galakan untuk Menyuarakan Pendapat | Bilangan | Peratus |
|------------------------------------|----------|---------|
| Ya | 80 | 53 |
| Tidak | 70 | 47 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Dari Jadual 3.10 didapati lebih ramai ibubapa responden iaitu lapan puluh orang (53%) yang menggalakkan anak-anak mereka menyuarakan pendapat terhadap rakan-rakan dan suadara mara mereka. Untuk melihat samada galakan ibubapa ini mempengaruhi kecenderungan politik responden dapat dilihat dari Jadual 3.11 berikut:

JADUAL 3.11

HUBUNGAN ANTARA GALAKAN IBUBAPA UNTUK MENYUARAKAN PENDAPAT DAN KEAHLIAN RESPONDEN DALAM PARTI POLITIK

| Keahlian Responden Galakan Ibubapa | Ya | Tidak | Jumlah |
|---------------------------------------|----------------|-----------------|-----------------|
| Ya | 26 (57.0%) | 54 (52.0%) | 80 (53.0%) |
| Tidak | 20 (43.05) | 50 (48.0%) | 70 (47.0%) |
| Jumlah | 46 (100.0%) | 104 (100.0%) | 150 (100.0%) |

$$X^2 = 0.271$$

$$C = 0.042$$

Jadual 3.11 menunjukkan hanya dua puluh enam orang responden daripada lapan puluh orang responden yang mempunyai ibubapa yang menggalakkan mereka menyuarakan pendapat menjadi ahli parti politik. Sedangkan majoriti iaitu lima puluh empat orang tidak menjadi ahli parti politik walaupun ibubapa mereka menggalakkan mereka menyuarakan pendapat. Jelas di sini menunjukkan galakan ibubapa untuk menyuarakan pendapat telah tidak mempengaruhi keahlian dan penyertaan mereka dalam parti politik.

Nilai 'chi-square' pada 0.271 menunjukkan hubungan yang tidak 'significant' dan koefisien kontigensi pada 0.042 menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Mengapakah galakan ibubapa responden untuk menyuarakan pendapat tidak mempengaruhi keahlian mereka dalam parti politik? Penulis berpendapat walaupun ibubapa mereka menggalakkan mereka menyuarakan pendapat tetapi terlebih dahulu diketahui ibubapa mereka menghalang mereka berbalah dengan orang dewasa. Kebanyakan ibubapa responden juga adalah bersikap 'protective'. Ini dapat dibuktikan dengan menyoal para responden samada ibubapa mereka selalu memutuskan dan menentukan aktiviti-aktiviti mereka, tempat-tempat yang mereka pergi dan dengan siapa mereka bergaul. Ini dapat dijelaskan dari taburan jawapan responden kepada soalan tersebut dalam Jadual 3.12.

JADUAL 3.12

'SELALUKAH IBUBAPA ANDA YANG MENENTUKAN AKTIVITI-AKTIVITI UNTUK ANDA?'

| Keputusan Ibubapa | Bilangan | Peratus |
|-------------------|----------|---------|
| Ya | 86 | 57 |
| Tidak | 64 | 43 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual 3.12 menunjukkan majoriti ibubapa responden iaitu lima puluh tujuh peratus menentukan aktiviti-aktiviti anak-anak mereka, tempat-tempat yang hendak mereka pergi dan juga pergaulan mereka. Ini bermakna ibubapa responden telah bersikap 'protective' terhadap responden semasa mereka kanak-kanak dan remaja. Sikap ibubapa mereka telah membuat para responden tidak aktif menjadi ahli parti politik dan didapati dari jumlah responden yang menjadi ahli parti politik (36%), cuma dua puluh peratus sahaja yang aktif sedangkan enam belas peratus adalah ahli pasif. Penemuan ini bertepatan dengan kenyataan Steven H. Ghaffee dan rakan-rakan bahawa ibubapa yang 'protective' akan membuat anak-anak mereka menjadi 'less politically active and competent'.

Kesimpulannya, keluarga telah gagal menjadi agen sosio-lisasi politik yang berkesan terutamanya dalam peranan membina orientasi pengetahuan responden mengenai politik dah hal ehwal awam. Perbincangan dan soaljawab mengenai politik jarang berlaku dalam keluarga para responden. Didapati juga keahlian ibubapa responden dalam parti politik tidak mempengaruhi keahlian mereka dalam parti politik. Begitu juga pilihan parti politik ibubapa telah tidak mempengaruhi pilihan parti politik para responden. Akhir sekali, sikap ibubapa responden yang 'protective' telah mempengaruhi mereka menjadi tidak cenderung dan tidak aktif dalam politik.